

02/12/1999

Pemimpin luar negara hantar ucapan tahniah

KUALA LUMPUR, Rabu - Beberapa pemimpin luar negara menyampaikan ucapan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke-10 Isnin lalu.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata, dengan kejayaan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat mandat untuk menerajui Malaysia ke alaf baru.

"Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anda dan Barisan Nasional. Anda sekali lagi menunjukkan kebolehan politik anda.

"Rakyat Malaysia dengan jelas menunjukkan keyakinan mereka terhadap kepimpinan anda dan dasar-dasar anda, khususnya, dalam memulihkan ekonomi Malaysia selepas dilanda krisis kewangan," kata Goh dalam perutusan yang difaks oleh Suruhanjaya Tinggi Singapura di sini, hari ini.

Goh berkata, dengan pilihan raya selesai beliau berharap kedua-dua negara boleh menyambung semula usaha memperkukuhkan lagi hubungan sedia ada.

Pada pilihan raya umum itu, BN mengekalkan majoriti lebih dua pertiga di Parlimen, undi yang diperlukan bagi meminda perlembagaan.

Gabungan 14 parti itu memenangi 148 daripada 193 kerusi yang dipertandingkan, tetapi pembangkang berjaya menggandakan kerusinya di Parlimen dan merampas dua negeri - Kelantan dan Terengganu.

Di MANILA, Presiden Filipina, Joseph Estrada, "gembira kerana pilihan raya itu diadakan dalam keadaan aman dan mengikut undang-undang, menggambarkan kehendak rakyat Malaysia".

"Presiden Estrada mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir dan calon lain yang memenangi pilihan raya Malaysia," kata jurucakap Presiden, Fernando Barican, dalam satu kenyataan.

Sebelum ini, hubungan Malaysia-Filipina agak tegang apabila Estrada meluangkan masa menemui isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, ketika membuat kunjungan peribadi ke Manila April lalu.

Di WASHINGTON, Amerika Syarikat berharap hubungan yang konstruktif di antara kedua-dua negara diteruskan.

Jurucakap Jabatan Negara, James Rubin, bagaimanapun berkata, pihaknya mendapati pengundi kali ini memilih lebih ramai calon pembangkang berbanding masa lalu.

"Terdapat penambahan jumlah kerusi parti pembangkang Pas dalam Dewan Rakyat. "Ia (Pas) mungkin menggunakan penambahan kerusi itu untuk menyumbangkan idea bagi membuka dialog berhubung proses pilihan raya.

"Kami juga tahu yang tokoh politik parti pemerintah menikmati banyak keistimewaan termasuk ketepatan tempoh pilihan raya dan media," kata Rubin.

(END)